

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
(SUNGAI SIPUT)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [ SUNGAI SIPUT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan syarikat yang telah mendaftar dengan Kastam untuk bayaran GST. Berapakah bilangan yang ditafsirkan sebagai syarikat Bumiputera.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 8 Jun 2015, sebanyak 380,082 syarikat telah pun berdaftar di bawah sistem GST. Daripada jumlah tersebut, 94% terdiri daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Asas yang digunakan bagi peniaga untuk berdaftar di bawah sistem GST adalah nilai *threshold* RM500,000 tanpa mengira latar belakang

perniagaan, sama ada syarikat bumiputera atau bukan bumiputera. Oleh itu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia tiada maklumat yang menunjukkan bahawa sesebuah syarikat berdaftar merupakan syarikat bumiputera atau tidak.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: DR. MICHAEL JEYAKUMAR  
DEVARAJ [ SUNGAI SIPUT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan tahunan untuk IPTA-IPTA di Malaysia untuk tiap tahun dari 2011 hingga 2014.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Terdapat dua (2) jenis peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada semua universiti awam pada setiap tahun iaitu **peruntukan belanja mengurus** dan **peruntukan pembangunan**.

Jumlah peruntukan tahunan bagi perbelanjaan mengurus yang disalurkan kepada universiti awam adalah sebanyak RM8.372 bilion (2011), RM8.427 bilion (2012), RM8.455 bilion (2013) dan RM10.680 bilion (2014). Bagi peruntukan pembangunan pula, jumlah yang diagihkan kepada universiti awam adalah sebanyak RM1.966 bilion (2011), RM1.949 bilion (2012), RM2.770 bilion (2013) dan RM1.212 bilion (2014).

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: DR. MICHAEL JEYAKUMAR  
DEVARAJ [ SUNGAI SIPUT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bayaran PTPTN kepada pelajar-pelajar di IPTS-IPTS di Malaysia untuk setiap tahun dari 2011 hingga 2014.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi tempoh tiga tahun (3) iaitu dari 2012 hingga 2014, sebanyak RM8.91 billion telah digunakan oleh PTPTN untuk membiayai 256,931 orang pelajar di institusi pendidikan tinggi swasta.